

# Pembelian jet pejuang Tornado

# Kita belum buat keputusan

UM 26 MAY 1990

## - Dr. Mahathir

**K**UALA LUMPUR 25 Mei — Malaysia sebenarnya belum membuat keputusan mengenai pembelian jet pejuang Tornado daripada Britain tetapi mungkin membeli pesawat buatan negara itu yang lebih murah.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pesawat yang mungkin dibeli ialah jenis Hawk.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri raptai penuh Sidang Kemuncak Kumpulan Perundingan dan Kerjasama Selatan - Selatan (G15) di bangunan Parlimen hari ini, Perdana Menteri berkata:

"Kita telah mengkaji semula sama ada hendak membeli pesawat Tornado dan kita dapati kosnya amat tinggi dan ia begitu sofistikated.

"Kita belum buat keputusan tetapi mungkin akan membeli pesawat yang lebih murah."

Beliau menambah, pembelian alternatif ini adalah juga daripada Britain kerana adanya perjanjian bersama yang dipersetujui antara Malaysia dengan negara tersebut.

"Kita terpaksa tukar kepada pesawat lain yang juga dibuat di Britain," ujarnya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar kelmarin bahawa Malaysia telah membatalkan rancangannya untuk membeli 12 buah jet pejuang Tornado dengan kos lebih \$1.8 ribu juta yang dipersetujui di bawah perjanjian bekalan senjata antara Malaysia dan Britain dua tahun lalu.

Oleh  
Razak Ali

Menurut laporan itu, pembatalan ini telah memeranjatkan pihak pengeluarnya, Tornado Panavia Consortium — satu perkongsian antara Britain, Jerman dan Itali kerana ia merupakan satu lagi tamparan hebat kepada usahanya untuk mengeksport jet pejuang yang dianggap paling moden di dunia, setelah Jordan dan Oman mengambil keputusan yang sama membatalkan pesanannya tahun lalu.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menjelaskan, Malaysia mengadakan rundingan antara kerajaan dengan kerajaan berhubung pembelian senjata, bagi mengelakkan penyelewengan.

Katanya, dulu kerajaan dikritik kononnya berlaku penyelewengan kerana membeli secara terus daripada syarikat.

"Sebab itu kali ini rundingan dibuat melalui kerajaan dan bukan terus dengan syarikat," kata beliau.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, beliau kurang faham mengapa masih ada lagi pihak - pihak tertentu yang menuduh berlaku penyelewengan.

"Tuduhan pihak - pihak ini hanya cuba nak mencari salah. Kalau ada penyelewengan, ini melibatkan kerajaan Britain juga," tegas beliau.